

Australia mesti henti buli Asia

BH 18 MAY 2000

SYDNEY, Rabu — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengingatkan Australia supaya berhenti 'membuli' negara Asia, jika Canberra ingin kembali menjalin hubungan mesra dengan negara di rantau ini.

"Jika Australia ingin menjadi rakan Asia, mereka harus berhenti daripada bersikap seolah-olah mahu mengajar kita bagaimana hendak mentadbir negara kita sendiri.

"Lagipun, Australia bukanlah sebuah negara besar sangat jika diambil kira jumlah rakyatnya. Justeru, mereka harus bersikap seperti sebuah negara kecil, dan bukan sebagai guru," kata Perdana Menteri dalam wawancara dengan televisyen Australia. SBS.

Wawancara itu dirakamkan di sidang kemuncak Kumpulan 77 (G-77) di Cuba, bulan lalu dan disiarkan lewat hari ini.

Australia dan Malaysia terbabit dalam perbalahan diplomatik pada 1993 apabila bekas Perdana Menteri Paul Keating menyifatkan Dr Mahathir sebagai 'keras kepala' kerana enggan menghadiri sidang pertama forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) di Seattle.

Bagaimanapun, perbalahan antara kedua-dua pemimpin itu beransur reda dan Dr Mahathir kemudian mengalu-alukan dasar Kea-

ting terhadap Asia.

Namun, hubungan Canberra dengan beberapa negara Asia lain kembali tegang apabila Australia mengetuai pasukan pengaman ke Timor Timur selepas kumpulan milita pro-Jakarta yang disokong tentera Indonesia, mengganas sebaik wilayah itu memilih untuk merdeka.

Dr Mahathir mengkritik Perdana Menteri John Howard yang berhaluan konservatif kerana menukar dasar Keating sehingga campur tangan urusan dalam Indonesia.

"Keating sudah memulakan dasar yang baik tetapi anda menukarkannya semata-mata kerana berasa Indonesia sekarang lemah dan anda boleh memaksanya melakukan apa yang anda inginkan.

"Anda sepatutnya mematuhi dasar sedia ada dan bukannya mengubahnya sesuka hati semata-mata kerana anda fikir anda boleh membuli orang lain," kata Dr Mahathir dalam transkrip wawancara itu.

Canberra berusaha keras untuk memperbaiki hubungannya dengan Indonesia dan negara Asia lain sejak misi ketenteraan Australia ke Timor Timur.

Howard adalah satu daripada beberapa pemimpin serantau yang masih belum bertemu dengan Presiden Indonesia Abdurrahman

Australia sepatutnya mematuhi dasar sedia ada dan bukan mengubahnya sesuka hati semata-mata kerana fikir boleh membuli orang lain.

Wahid. Pemimpin baru Indonesia itu sudah melawat lebih daripada 20 negara sejak dilantik menjadi presiden, Oktober tahun lalu.

Abdurrahman dijadual melawat Australia bulan ini tetapi kunjungan itu dibatalkan berikutan sentimen anti-Australia di Indonesia. Satu pertemuan lain ditetapkan lewat tahun ini.

Indonesia turut menuduh Australia menjalankan operasi mengintip di wilayah mereka sebelum dan selepas operasi di Timor Timur.

Keadaan kembali tegang apabila seorang askar Australia yang berkhidmat dengan pentadbiran Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) di Timor Timur, dihantar pulang kerana mengupah AS\$20 (RM44) kepada seorang lelaki Timor Timur bagi mengintip pergerakan tentera Indonesia di Timor Barat, bulan lalu.

Ditanya sama ada Howard dialu-alukan di rantau itu, Dr Mahathir berkata: "Saya tidak fikir begitu, terutama di Malaysia, kerana beliau berpendapat kami tidak demokrasi dan kami tidak adil."

Dr Mahathir sebaliknya menggesa Howard supaya lebih memberi tumpuan kepada masalah sosial utama di Australia, termasuk hubungan buruknya dengan masyarakat peribumi negara itu.

"Undang-undang anda nyata tidak begitu adil kepada masyarakat peribumi. Jadi saya berpendapat adalah lebih baik jika anda menangani masalah di rumah anda sendiri terlebih dahulu kerana anda mempunyai banyak kemelut sosial.

"Cuba selesaikannya terlebih dahulu sebelum anda cuba menyelesaikan masalah orang lain," katanya. — Reuters